



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempelawa pelajar-pelajar Hafiz yang telah ditawarkan menyambung pengajian (sepenuh masa) di peringkat **Ijazah Pertama dalam dan luar negara** dan **Ijazah Sarjana / Doktor Falsafah dalam negara sahaja** untuk memohon Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) bagi sesi pengajian 2022/2023 (Sem.2). Pelajar yang ingin memohon SPH hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- i. **Warganegara** Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari **18 tahun** dan tidak melebihi **25 tahun** bagi peringkat **Ijazah Sarjana Muda** dan tidak melebihi **30 tahun** bagi peringkat **Ijazah Lanjutan**;
- iii. **Tidak menerima apa-apa tajaan atau biasiswa** daripada mana-mana agensi;
- iv. Pelajar yang menerima pinjaman seperti PTPTN atau mana-mana agensi pinjaman pendidikan adalah layak memohon. Pelajar yang menerima **pinjaman perlu menamatkan pinjaman** sekiranya ditawarkan SPH;
- v. Pelajar yang sedang mengikuti pengajian **sepenuh masa** di tahun 2 dan ke atas dengan baki pengajian **tidak kurang dari dua semester atau setahun dari tempoh tamat pengajian**, adalah layak untuk memohon biasiswa SPH.
- vi. Telah menerima **surat tawaran kemasukan pengajian** dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi ;
- vii. Memenuhi syarat akademik seperti yang diperuntukan dalam Jadual 1, seperti berikut :-

Jadual 1: Kelayakan Akademik

| | Program Pengajian | Syarat Minimum Akademik |
|---|--|--|
| <p>Semua peringkat pengajian WAJIB mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu</p> | | |
| 1. | Ijazah Sarjana Muda | <p>Diploma Tahfiz al-Quran JAKIM PNGK 3.0 ke atas / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA PNGK 3.0 ke atas</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Sijil Tahfiz al-Quran JAKIM PNGK 3.0 ke atas / STM Pangkat <i>Jayyid</i> / Sijil Tahfiz Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama JAKIM Pangkat <i>Jayyid</i></p> <p style="text-align: center;">+</p> <p>SPM 5 Kepujian / STPM 2 Prinsipal B (Syariah, Usuluddin, dan Bahasa Arab) / STAM Pangkat <i>Jayyid</i></p> |
| 2. | Ijazah Sarjana Muda (tahun 2 dan ke atas) | <p>PNGK tahun pertama 3.3 ke atas</p> <p style="text-align: center;">+</p> <p>Diploma Tahfiz al-Quran JAKIM PNGK 2.75 ke atas / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA PNGK 2.75 ke atas / Sijil Tahfiz al-Quran JAKIM PNGK 3.0 ke atas / STM Pangkat <i>Jayyid</i></p> |
| 3. | Ijazah Sarjana/ Ph.D (Pengajian dalam negara sahaja) | <p>Ijazah Sarjana Muda (Kepujian)</p> <p style="text-align: center;">+</p> <p>Diploma Tahfiz al-Quran JAKIM PNGK 2.75 ke atas / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA PNGK 2.75 ke atas / Sijil Tahfiz al-Quran JAKIM PNGK 3.0 ke atas / STM Pangkat <i>Jayyid</i></p> |

Bidang Pengajian Dalam Negara

| | |
|--------------|--|
| Dalam Negara | <p>Ijazah Sarjana Muda</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengajian Islam - Qiraat - Sastera - Sains - Kejuruteraan |
|--------------|--|

| | |
|-------------|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> - Teknologi - Perubatan - Pergigian - Farmasi - Optometri - Undang-Undang - Ekonomi/ Akaun |
| | Ijazah Sarjana /Doktor Falsafah Pengajian Islam |
| Luar negara | Ijazah Sarjana Muda <ul style="list-style-type: none"> - Pengajian Islam - Qiraat - Sastera - Perubatan |

Tempat Pengajian

| | |
|--------------|--|
| Dalam Negara | Universiti Awam (UA) yang diiktiraf oleh kerajaan |
| Luar negara | <p>Jordan :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Universiti Mu'tah ii. Universiti Al-Balqa iii. Universiti Al-Hashemite iv. Universiti Amman v. Universiti Jordan, Amman vi. Universiti Al-Bayt vii. Universiti Yarmouk viii. Universiti WISE <p>Mesir :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Maahad Qiraat Al-Azhar ii. Universiti Al-Azhar iii. Maahad Qiraat Mansoura iv. Universiti Thanta <p>Indonesia :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Institut Agama Islam Negeri Alauddin, Makassar ii. Institut Agama Islam Negeri Antasari, Bandjarmasin iii. Institut Agama Islam Negeri Imam Bondjol, Padang iv. Institut Agama Islam Negeri Raden Fatah, Palembang v. Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalidjaga |

| | |
|--|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> vi. Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah vii. Institut Agama Islam Negeri Thaha Sjaifuddin Djambi viii. Institut Agama Islam Negeri Wali Songo, Semarang ix. Institut Agama Islam Raden Intan, Lampung x. Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh xi. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau xii. Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Medan xiii. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya |
|--|--|

Kadar SPH

Kadar yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Tatacara Permohonan adalah seperti yang berikut:

- i. Pemohon dikehendaki memahami syarat-syarat permohonan dan panduan mengisi borang permohonan;
- ii. Permohonan boleh dibuat secara atas talian di portal i-Hafiz JAKIM di <http://sph.islam.gov.my>;
- iii. Pemohon hendaklah memastikan **semua dokumen sokongan telah disahkan dan dimuat naik di portal i-Hafiz**;
- iv. Pemohon boleh mengemaskini maklumat di portal i-Hafiz pada bila-bila masa sebelum permohonan dihantar atau sehingga tarikh tutup permohonan;
- v. Pemohon hendaklah **mencetak “Slip Pengesahan Permohonan SPH”** sebagai bukti bahawa permohonan telah dibuat; dan
- vi. Sebarang pertanyaan mengenai SPH boleh dibuat dengan menghubungi Bahagian Dasar Kemajuan Islam JAKIM di talian 03-8870 7141/ 7125/ 7146/ 7149 atau emel di alamat sph@islam.gov.my.

Dokumen Sokongan

Pelajar yang telah mengemukakan permohonan (secara atas talian) dikehendaki **memuat naik dokumen sokongan yang telah disahkan** seperti berikut:

- i. 1 Keping Gambar Terkini Berukuran Passport;
- ii. Salinan Kad Pengenalan;
- iii. Salinan Sijil-sijil akademik;

- a. Diploma Tahfiz al-Quran JAKIM / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA/ Sijil Tahfiz al-Quran JAKIM / Sijil Tahfiz Malaysia / Sijil Tahfiz Kementerian dengan kerjasama JAKIM
 - b. Sijil Pelajaran Malaysia
 - c. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia/ Sijil Tinggi Agama Malaysia
- iv. Salinan Transkrip Pensijilan/ Diploma/ Ijazah/ Sarjana.
 - v. Salinan Surat Tawaran Pengajian
 - vi. Surat Akuan Pengajian / Surat Pengesahan Pengajian dan Salinan Keputusan Peperiksaan semasa (bagi permohonan di tahun dua dan ke atas);
 - vii. Salinan kad pengenalan ibu / bapa / penjaga/ tanggungan;
 - viii. Slip gaji ibu / bapa / penjaga ATAU Salinan Surat Pengesahan Pendapatan (bagi mereka yang bekerja sendiri); dan
 - ix. Sijil-Sijil Ko-Kurikulum.

Pelajar yang tidak layak memohon adalah seperti yang berikut:

- i. Calon yang telah mendapat tajaan / biasiswa daripada mana-mana penaja;
- ii. Pelajar yang sedang mengikuti kursus peringkat matrikulasi / Asasi Sains / Pra Universiti / *Foundation* / Pensijilan Tahfiz al-Quran / Pusat Bahasa;
- iii. Penjawat awam;
- iv. Pelajar yang sedang mengikuti program Pengajian Jarak Jauh; dan
- v. Penerima SPH yang telah ditamatkan pembiayaannya

Tarikh Tutup Permohonan

Tarikh tutup permohonan pada **7 April 2023 (Jumaat)**